

19 SEP 1998

Ghafar - Anwar

CABARAN ANWAR PM LETAK JAWATAN ATAS SEBAB PERIBADI, KATA GHAFAR

MELAKA, 19 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba berkata cabaran Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan adalah atas sebab-sebab peribadi (Anwar) dan bukan kehendak rakyat jelata.

"Anwar sahaja yang minta Dr Mahathir letak jawatan, orang lain minta Perdana Menteri kuat, sihat dan terus memimpin, " katanya kepada pemberita selepas berucap pada Majlis Penerangan Veteran Umno di Ayer Keroh, di sini petang ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cabaran Anwar agar Dr Mahathir meletakkan jawatan, sekiranya beliau sudah tidak mahu mendengar nasihat orang lain.

Ghafar berkata, kalau ada rakyat yang minta (Dr Mahathir) meletakkan jawatan, yang berkesan sekali ialah Barisan Nasional (BN).

"BN sahajalah yang boleh menghitamkan atau memutihkan politik Malaysia. Bagaimanapun, saya tak pernah dengar seorang pun, baik anggota ataupun pemimpin BN yang meminta Dr Mahathir meletakkan jawatan ... belum lagi, " kata Ghafar.

Ghafar mengingatkan bahawa dalam perjuangan, kita mesti utamakan negara, negara lebih penting daripada parti dan parti lebih penting daripada diri kita sendiri.

Anwar mempunyai forum yang terbuka untuk beliau menerangkan rasa tidak puas hati beliau itu, iaitu mahkamah, katanya.

Ketika ditanya berkaitan Anwar menggunakan platform DAP dalam kempenya, Ghafar berkata, "Itu menunjukkan mungkin Anwar sudah ada pertalian dengan DAP dari dulu lagi.. saya fikirlah. "

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Ibrahim Ali dan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

-- BERNAMA

NO RI